

PEMERKASAAN HARTA WAKAF MELALUI PENGURUSAN YANG MAMPAN DI SELANGOR

EMPOWERING WAKAF PROPERTIES THROUGH SUSTAINABLE MANAGEMENT IN SELANGOR

Abdul Majid Omar¹
Kamisah Supian²

¹Fakulti Perniagaan Dan Perakaunan, Universiti Selangor (UNISEL), Malaysia

²Fakulti Perniagaan Dan Perakaunan, Universiti Selangor (UNISEL), Malaysia (Email:kamisah@unisel.edu.my)

Article history

Received date : 13-12-2022
Revised date : 14-12-2022
Accepted date : 20-2-2023
Published date : 14-4-2023

To cite this document:

Omar, A. M., & Supian, K. (2023). Pemerksaan Harta Wakaf Melalui Pengurusan yang Mampan di Selangor. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (52), 147 - 160.

Abstrak: *Wakaf memainkan peranan penting dalam masyarakat Islam. Di Malaysia, wakaf diletakkan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri yang mana terdapat 14 pemegang amanah tunggal dengan pengurusan berbeza. Dalam menambahbaik pengurusan wakaf, beberapa pemegang amanah tunggal ini telah melakukan pelan penstrukturan mereka dan membentuk entiti baharu yang lebih berdaya saing, manakala kebanyakan pemegang amanah lain masih menggunakan struktur tradisional dengan terdapatnya Jabatan Wakaf atau Unit Wakaf dalam pengurusan mereka. Kajian ini bertujuan meneroka perbandingan pelan penstrukturan organisasi wakaf dan kesannya dalam pengurusan wakaf di Selangor. Temubual mendalam telah dijalankan melibatkan dua informan dari Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Dapatan kajian ini mendedahkan bahawa rancangan penstrukturan semula itu membuahkan hasil dan membawa kesan positif kepada pengurusan wakaf. PWS menjadi lebih fokus dalam pembangunan harta wakaf dan inovatif dalam menawarkan produk wakaf serta saluran wakaf. Hasilnya disokong oleh bukti daripada pelbagai produk wakaf, peningkatan kutipan wakaf tunai, projek yang sedang berjalan dan telah siap, dan juga siri pembangunan harta wakaf yang dirancang pada masa hadapan.*

Kata Kunci: *Pengurusan Wakaf, Penstrukturan Wakaf, Perbadanan Wakaf Selangor*

Abstract: *Waqf plays an important role in Islamic society. In Malaysia, waqf is placed under the jurisdiction of the state government where there are 14 sole trustees with different management. In improving waqf management, some of these single trustees have done their structuring plan and formed new entities that are competitive enough, while most other trustees still use the traditional structure with a Waqf Department or Waqf Unit in their management. This study aims to explore the comparison of waqf organisational structuring plans and their effects in waqf management in Selangor. An in-depth interview was conducted involving two key informants from the Selangor Wakaf Corporation (SWC). The findings of this study reveals that the restructuring plan has a positive effect on waqf management. SWC became more focused on the development of waqf property and innovative in offering waqf products through*

various waqf channels. The results are supported by numerous evidences such as various waqf products, increased in cash waqf collections, ongoing and completed projects, and a series of planned waqf property developments in the future.

Keywords: *Waqf management, Waqf Structuring, Selangor Waqf Corporation*

Pendahuluan

Wakaf merupakan salah satu instrumen filantropi Islam yang berkembang selaras dengan nilai-nilai material, spiritual, dan kemanusiaan yang bercirikan corak hubungan di antara manusia dengan Allah SWT dan juga sesama manusia. Dari perspektif Shariah, wakaf didefinisikan sebagai penyerahan sebahagian daripada harta seseorang secara sukarela, kekal dan ianya tidak boleh ditarik balik sama ada harta boleh alih atau harta kekal, tunai atau barangan (Bakar et al., 2019), dan seterusnya apa-apa keuntungan yang timbul daripada harta itu digunakan untuk kepentingan orang lain kerana Allah SWT (Muda, 2015). Apabila sesuatu harta telah diwakafkan, ianya tidak boleh diberikan sebagai hadiah, diwarisi, atau dijual (Al-Salmani, 2021). Ia adalah milik Allah SWT dan korpus wakaf akan sentiasa kekal utuh.

Dalam persekitaran hari ini, wakaf telah menjadi tonggak dalam kehidupan beragama, sosial, budaya, sains, ekonomi, dan politik masyarakat Islam (Sulaiman & Hasan, 2016). Wakaf mempunyai peranan dalam menyediakan kemudahan bagi memenuhi keperluan sosial dan penyediaan infrastruktur untuk keperluan masyarakat seperti masjid, sekolah, hospital, dan bekalan air (Abdel Mohsin, 2009). Kajian oleh Mohd Afendi dan Asmah (2010) merumuskan bahawa wakaf boleh bertindak sebagai pemangkin untuk mengukuhkan masyarakat Islam dalam membangunkan ekonomi dan kekayaan negara lebih-lebih lagi jika wakaf itu ditadbir dengan betul dan sistematik. Amalan wakaf juga berupaya meningkatkan persaudaraan dan memperkukuh hubungan kekeluargaan sebagaimana sabda Rasulullah SAW,

الصدقة على المسكين صدقة وهي على ذي القرابة اثنتان صدقة وصلة

Maksudnya;

“Bersedekah kepada orang miskin adalah satu sedekah dan sedekah kepada kaum kerabat ada dua (kabaikan) iaitu sedekah dan silaturrahim”

(Riwayat Ibnu Majah, Hadis No. 1834)

Dalam Islam, pengurusan harta wakaf adalah satu perkara yang penting dan tidak boleh dipandang ringan. Perlantikan pengurus wakaf (*mutawalli*) perlu dilakukan secara berhati-hati agar individu yang dilantik mampu menjalankan tugas dengan telus, amanah, dan berintegriti. Di sesebuah negara, tanggungjawab menguruskan harta wakaf terletak di bawah pentadbiran pemerintah atau ketua negara. Walau bagaimanapun, tiada campur tangan pemerintah dibenarkan dalam hal pengurusan sekiranya harta wakaf diuruskan sendiri oleh pewakaf (Othman, 1998). Kepentingan pengurusan wakaf yang amanah boleh disoroti dari sejarah yang telah merakamkan tindakan Saidina Omar Al-Khattab r.a di mana Baginda mengendalikan sendiri pengurusan wakafnya (Ishak, 2020). Baginda melantik anak perempuannya, Hafsa bagi menguruskan harta wakafnya, dan seterusnya melantik cerdik pandai dari kalangan keluarganya sendiri (Ishak, 2020). Jelas, harta wakaf perlu diuruskan dan dibangunkan dengan cekap supaya matlamat wakaf yang ditetapkan oleh pewakaf tercapai.

Menelusuri tahap perkembangan wakaf di Malaysia, dahulunya ia hanya dianggap sebagai ibadah semata-mata, namun dari sudut perspektif institusi kewangan Islam, produk-produk aplikasi wakaf ini mampu menyerap segala elemen muamalah dan sekaligus menepis fahaman dangkal bahawa aplikasi wakaf akan menyebabkan penyusutan dan kejatuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai faktor yang dikenalpasti menyumbang kepada isu pembantuan pembangunan wakaf, dan salah satunya adalah masalah birokrasi dalam pembuatan keputusan, termasuklah dalam pengurusan wakaf. Di dalam Laporan Kajian Pengurusan Organisasi Majlis Ugama Islam Negeri (MUIIN) oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) menyatakan bahawa antara isu yang perlu diberi perhatian oleh MUIIN untuk lebih berdaya saing ialah perjawatan dan struktur organisasi (Hassan Hapizi & Mohamad Idris, 2010). Di negeri Selangor, Ab Rahman (2009) menyatakan rentetan dari pengurusan wakaf yang tidak berpusat, maka tiada penyelarasan bagi pengagihan bantuan kebajikan di antara agensi-agensi agama di Negeri Selangor, seperti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Lembaga Zakat Selangor (PZS) dan Baitulmal Selangor. Bersetuju dengan pandangan Ab Rahman (2009), Mahamood (2000) mengatakan kemungkinan terdapat individu dan asnaf yang sama mendapat bantuan lebih dari sekali, atau mungkin terdapat individu yang tidak menerima sebarang bantuan kerana tiada penyelarasan di antara agensi agama.

Kesan daripada permasalahan struktur organisasi, negeri Selangor telah melakukan transformasi dengan menubuhkan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) agar pengurusan wakaf di negeri ini dapat diperkasakan seperti pengurusan zakat. Perintah penubuhan PWS telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor pada 11 Januari 2011 dan diwartakan pada 3 Febuari 2011. Kajian ini bertujuan untuk meneroka perbandingan pelan penstrukturan organisasi wakaf dan kesannya dalam pengurusan wakaf di Selangor. Kajian ini adalah signifikan untuk mengetahui perkembangan pengurusan harta wakaf dan bagaimana harta tersebut dapat diperkasakan lagi untuk kebajikan masyarakat Islam di Selangor. Hasil daripada maklumbalas perbandingan tersebut boleh dijadikan ukuran kedudukan pengurusan harta wakaf terkini di Selangor demi mencapai hasrat DYMM Sultan Selangor.

Sorotan Literatur

Para ulama telah mengelaskan wakaf kepada dua jenis, iaitu wakaf am dan wakaf khas (Harun et al., 2012; Mohamad, 2021). Secara dasarnya, wakaf am merupakan wakaf yang melibatkan kepentingan orang ramai di mana ianya tidak ditentukan secara jelas penerimanya dan ia bersifat umum, iaitu untuk kebajikan masyarakat (Abdul Majid & Said, 2014). Wakaf am tidak memerlukan akad penerimaan, bahkan ianya akan terus menjadi milik Allah SWT. Pemegang amanah boleh membangunkan harta tersebut untuk mendapatkan hasil atau manfaat tanpa terikat dengan jenis kebajikan atau bentuk pembangunan tertentu. Seterusnya, manfaat berkenaan boleh diagihkan kepada apa jua bentuk kebajikan secara umum dan ganjaran pahalanya berterusan kembali kepada pewakaf (Yusof, 2017). Sebaliknya, wakaf khas hanya boleh digunakan berdasarkan niat si pewakaf dengan menentukan secara jelas penerimanya, sama ada individu, kumpulan, organisasi atau institusi tertentu (Abdul Majid & Said, 2014). Justeru, harta yang diwakafkan itu menjadi milik golongan tersebut, dan mereka sahaja akan mendapat manfaat dan faedah daripada harta wakaf berkenaan (Yusof, 2017).

Secara umumnya, hukum wakaf menurut ijthid para ulama feqah adalah sunat dan bertujuan untuk kemaslahatan ummah, misalnya untuk pembangunan yang bersifat keagamaan (Qohf, 2006). Selain dari itu, para ulama feqah juga sepakat bahawa ibadah wakaf merupakan amal

jariah, iaitu amal bersifat kebendaan yang pahalanya terus menerus mengalir bagaikan air tidak berhenti selama harta wakaf tersebut dimanfaatkan (Qohf, 2006). Namun, wakaf boleh menjadi wajib dilaksanakan apabila ianya diwasiatkan (Abdullah, 2020). Walau bagaimanapun, harta wakaf yang diwasiatkan itu tidak boleh melebihi satu pertiga ($1/3$) daripada keseluruhan harta milik pewakaf (Sabran, 2002). Hal ini bersandarkan kepada sabda Rasulullah SAW ketika mengingatkan Saad bin Malik sewaktu Baginda hampir menghembuskan nafasnya yang terakhir. Antara sabda Baginda SAW adalah bermaksud,

“Maka (boleh berwasiat) satu pertiga (daripada harta), sedangkan satu pertiga itu pun sudah banyak. Sesungguhnya, jika engkau tinggalkan waris dalam keadaan kaya atau cukup, lebih baik daripada engkau tinggalkan mereka dalam keadaan tidak cukup, dengan menadah tangan meminta-minta daripada tangan-tangan manusia.”

(Hadith riwayat al-Bukhari)

Terdapat empat rukun wakaf yang terdiri daripada (a) pewakaf; (b) penerima wakaf; (c) harta yang diwakafkan; dan (d) lafaz (*sighah*). Pewakaf merupakan individu yang melakukan wakaf atau individu yang menyerahkan hartanya untuk diwakafkan (Al-Kubaysi, 1977). Pewakaf hendaklah seorang individu yang baligh dan menurut pendapat mazhab Hanafi, umur baligh bagi lelaki adalah 18 tahun, manakala perempuan adalah 17 tahun. Justeru, wakaf kanak-kanak yang belum baligh (*mumaiyiz*) dianggap terbatal sekalipun mendapat keizinan daripada walinya (Muhammad, 1971). Pewakaf juga hendaklah seorang yang berfikiran waras dan wakaf dilakukan dengan kehendaknya sendiri secara sukarela (*tabarru*), tanpa paksaan daripada orang lain (Don, 2019). Bagi individu yang pelupa atau nyanyuk, wakafnya tidak diiktiraf (Muhammad, 1971), namun wakaf individu yang dungu atau bodoh (*safih*) adalah sah jika mendapat keizinan daripada pemerintah atau hakim (Ibn al-Humam & Ibn ‘Abd al-Wahid, 1977). Pewakaf mempunyai kuasa dalam menentukan syarat-syarat berhubung dengan tujuan harta yang diwakafkannya, selagi ianya tidak bercanggah dengan hukum syarak (Don, 2019). Seorang pengurus perlu dilantik untuk mengurus dan mentadbir harta yang diwakafkan, sebagaimana yang terkandung dalam syarat-syarat yang ditentukan oleh pewakaf (Al-Bahili, 1996).

Penerima wakaf mestilah terdiri daripada individu yang berkelayakan seperti golongan fakir atau asnaf, para ulama, Imam masjid, dan sebagainya (Al-Dardir & Al-Barakat, 1986). Menurut pandangan ulama mazhab Syafie dan Hanbali, harta wakaf hendaklah sesuatu yang boleh dimiliki oleh penerima wakaf pada ketika urusan perwakafan dilakukan (Al-Nawawi, 2000). Justeru, tidak sah mewakafkan harta yang belum wujud seperti janin dalam kandungan ibunya, kerana ia tidak dapat dimiliki oleh penerima wakaf pada waktu tersebut. Selanjutnya, para ulama mazhab Syafie dan Maliki berpendapat mewakafkan harta kepada golongan kaya adalah diharuskan (Al-Nawawi, 2000), namun ianya menjadi tidak sah sekiranya harta wakaf berkenaan hanya kepada golongan kaya sahaja, tanpa diberikan kepada golongan miskin. Ianya bercanggah dengan syarat wakaf yang bertujuan untuk kebajikan atau mendekatkan diri kepada Allah SWT (Yakan, 1977).

Berkaitan rukun ketiga iaitu harta yang diwakafkan, menurut mazhab Shafie, harta berkenaan hendaklah harta yang berkekalan tanpa terikat dengan masa (Al-Kubaysi, 1977). Namun terdapat pendapat lain di kalangan sesetengah ulama mazhab Shafie seperti Hanafi dan Zahiri dimana mereka mengatakan bahawa wakaf yang bertempoh adalah sah tetapi syaratnya sahaja yang terbatal (Al-Kubaysi, 1977). Selain itu, harta yang hendak diwakafkan mestilah halal atau

yang diharuskan oleh syarak, dan ianya bukan harta dari sumber yang haram seperti dicuri atau dirampas (Sabran, 2002). Syarat ini juga terpakai untuk harta yang diperolehi dari penipuan atau melalui kerja maksiat seperti hasil perjudian, pelacuran, penjualan minuman keras, aktiviti rumah-rumah urut, perniagaan kelab malam atau kasino, dan pertunjukan haram (Sabran, 2002). Di samping itu, harta yang diwakafkan hendaklah harta yang bernilai, sama ada harta boleh alih atau harta tidak boleh alih (Ibn al-Humam & Ibn ‘Abd al-Wahid, 1977). Harta wakaf berkenaan juga perlulah dari harta atau sesuatu yang boleh disimpan sehingga pada masa yang diperlukan, atau sesuatu yang boleh dihimpun dan dikuasai serta diawasi manfaatnya menurut kebiasaan (Hassan, 1986).

Terakhir, wakaf memerlukan lafaz (*sighah*) di mana ianya hendaklah dilafazkan oleh pewakaf ketika menyerahkan harta wakafnya kepada seseorang atau pihak yang tertentu. Lafaz (*sighah*) mestilah jelas menunjukkan maksud penyerahan wakaf, bukan kepada maksud penyerahan lain. Imam Al-Ansari dari mazhab Shafie menjelaskan bahawa selagi wakaf tidak dilafazkan dengan perkataan sedangkan ia mampu mengucapkannya, maka wakafnya tidak sah (Al-Kubaysi, 1977). Lafaz (*sighah*) juga mestilah merujuk kepada harta yang telah ditentukan secara jelas. Ia dituturkan dengan lisan selagi pewakaf itu tidak bisu, atau dengan tulisan (al-Khatib, 2000; Al-Shirazi, 1995). Selanjutnya, perwakafan harta kepada pihak yang tidak ditentukan (umum) seperti golongan fakir atau asnaf, masjid dan sebagainya, tidak memerlukan lafaz penerimaan sebagai syarat dalam lafaz (*sighah*) tersebut (An-Nawawi 1991). Namun, ulama yang sealiran dengan mazhab Maliki dan Syafie serta sebahagian ulama mazhab Hambali, berpendapat bahawa ijab dan qabul diperlukan apabila mewakafkan harta kepada individu tertentu (Ibn Qudāmah, 2004). Akad wakaf tidak sah jika dilakukan melalui wakaf janji atau adanya pilihan bersyarat (khair-syart). Sebagai contoh, seseorang berkata “aku mewakafkan binatang ini kepada fakir miskin dengan syarat bagiku diberi tempoh tiga hari”. Menurut pendapat ulama Shafie, lafaz wakaf yang tidak muktamad adalah terbatal (Ibn Qudāmah & al-Hādī, 1983).

Pengurusan Harta Wakaf

Ketika zaman kegemilangan pemerintahan khalifah Islam, antara kekuatan dan keagungan kerajaan pada era tersebut adalah kekayaan hasil negara dan umat Islam. Sebagai contoh, pada zaman Khalifah Harun Ar-Rasyid, harta milik negara Ketika itu telah mencapai 900 juta Dirham. Ia menyamai nilai semasa pada hari ini berjumlah 1.3 trilion Dirham (Ngadimin, 2011). Kejayaan wakaf era moden pula boleh dilihat dari kejayaan empayar Turki Uthmaniah dalam pengurusan harta wakafnya. Mereka bukan sahaja mewakafkan harta untuk tujuan ibadah, malah menjadikan amalan berwakaf sebagai budaya dalam kehidupan mereka. Sorotan kejayaan Daulah Utmaniah mencipta kecemerlangan wakaf di zaman dahulu mendorong kita untuk berfikir mengapa di zaman moden dan kemajuan teknologi sofistikated pada hari ini tidak membolehkan kita membangunkan ummah melalui harta wakaf. Sekiranya sejarah kegemilangan ini berulang kembali, pastinya orang Melayu akan memiliki sebahagian besar ekuiti kekayaan dalam negara dengan memiliki pelbagai premis dan kompleks perniagaan, hartanah dan lain-lain.

Wakaf terdiri daripada pelbagai jenis. Pada masa kini, lebih 140 buah universiti di dunia telah beroperasi dengan dana wakaf. Antara yang tertua adalah Universiti Al Qarawiyyin di Fes Morocco yang diwakafkan pada tahun 856 masihi (Hasbani et al., 2017), Universiti Al Azhar di Mesir yang diwakafkan pada tahun 930 masihi (Abdullah, 2020), dan Universiti Al Fateh yang diwakafkan pada tahun 1470 Masihi (Mohiddin, 2020). Universiti berkonsepkan wakaf ini telah melahirkan ratusan ribu graduan di seluruh dunia sehingga hari ini. Wakaf kesihatan telah berkembang sejak kurun ke-9 masihi yang berfungsi untuk memberi rawatan percuma

kepada masyarakat. Sebagai contoh di Hospital Ibnu Tulun, Mesir diwakafkan oleh Sultan Ibn Tulun pada tahun 872 Masihi, merupakan hospital wakaf pertama dalam dunia Islam. Hospital al-Mansuri diwakafkan pada tahun 1248 masihi merupakan hospital wakaf terbesar yang boleh menampung 8,000 pesakit. Di Baghdad, Hospital Adudi telah diwakafkan pada tahun 978 masihi oleh pemimpin Kerajaan Bawayhid, manakala di Cordova pula, 50 buah Hospital telah diuruskan dengan menggunakan dana wakaf (Othman, 2017). Jelas, pembangunan pendidikan dan kesihatan ini mampu dilaksanakan melalui pengurusannya yang baik dan teratur.

Pengurusan wakaf semakin mendapat perhatian masyarakat Islam berdasarkan sumbangan sosio-ekonominya dalam menyediakan pelbagai jenis harta wakaf (Yaacob & Yaacob, 2013). Ulama Islam menganggap pengurusan wakaf amat penting bagi mencapai tujuan wakaf. Ulama bersepakat bahawa wakaf adalah sunnah dan pengurusan wakaf untuk mencapai matlamat wakaf adalah wajib (Nafis, 2016). Ibrahim dan Khan (2015) merujuk pengurusan wakaf sebagai melaksanakan atau mengawal harta dan dana tersebut dengan tujuan untuk mencapai beberapa sasaran yang telah ditetapkan dengan pengurusan yang sangat cekap. Mahamood dan Ab Rahman (2015) menegaskan bahawa skop pengurusan wakaf hendaklah merangkumi pemeliharaan, penyelenggaraan, dan segala urusan di dalamnya untuk memastikan pembangunan harta wakaf, penjana semula, dan kelestarian kewangan harta wakaf. Institusi agama dan badan-badan Islam perlu memainkan peranan aktif bagi mewujudkan pengurusan dana dan aset wakaf. Dalam melestarikan sistem wakaf semasa, terdapat beberapa mekanisma atau pendekatan kontemporari yang cuba diketengahkan oleh beberapa institusi Islam sama ada yang diurus oleh pihak kerajaan atau badan-badan swasta. Antara mekanisma tersebut ialah melalui dana wakaf yang boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk seperti saham wakaf, wakaf Irshad dan Musya' serta melalui konsep istibdal (Ahmad, 2008).

Iman dan Mohammad (2014) menyatakan pengurusan wakaf memerlukan tiga sumber asas iaitu manusia, wang, dan harta atau aset wakaf. Institusi wakaf memerlukan individu yang mempunyai latar belakang pendidikan yang sesuai yang mempunyai pensijilan profesional. Wang juga diperlukan dengan jumlah yang tepat pada masa yang sesuai. Harta atau aset dalam hal ini boleh disifatkan sebagai aset ketara dan juga aset tidak. Wakaf tunai dan harta memerlukan pengurusan yang betul untuk memastikan keberkesanan dan kecekapannya. Seseorang yang dilantik untuk mentadbir atau mengurus harta wakaf dikenali sebagai *mutawalli*. Mereka hendaklah terdiri daripada individu atau badan organisasi yang mempunyai kemampuan dan berupaya melaksanakan amanah pewakaf. *Mutawalli* adalah penjaga harta wakaf yang boleh dipercayai untuk menjaga harta wakaf sama ada yang di tangannya atau dibawah kuasanya, samada merupakan wang, pengganti wakaf, atau pun wang simpanan, yang berasal dari manfaat wakaf, atau wang tersebut merupakan hak milik pihak-pihak yang berhak menerima wakaf namun belum dibahagikan kerana belum sampai masanya untuk pengagihannya (Muhammad, 2007).

Jika sesuatu berlaku terhadap dana wakaf seperti hilang atau lenyap, maka *mutawalli* tidak perlu menanggung atau mengganti kerugian yang berlaku sekiranya kerugian itu tidak berpunca daripada kecuaiannya. Jika sebaliknya, maka dia harus bertanggungjawab. Sekiranya pihak-pihak yang berhak menerima wakaf meminta bahagiannya, tetapi *mutawalli* tidak dapat memberikan wakaf tersebut tanpa alasan yang dibenarkan oleh syarak, dan ternyata berlaku kehilangan kerana kelalaiannya, maka *mutawalli* bertanggungjawab untuk menggantinya (Abdullah 'Iwad, 2017). *Mutawalli* dan pemelihara harta wakaf juga hendaklah menanggung kerugian yang ada, jika mereka melakukan tindakan yang boleh menjejaskan nilai harta wakaf seperti memberikan seluruh pendapatan wakaf kepada semua pihak yang berhak menerima

wakaf walaupun wakaf tersebut memerlukan dana untuk kos penyelenggaraan dan penjagaan atau ketika memiliki beban hutang, maka pemegang amanah wakaf harus menebus dan membayar hutang tersebut (Muhammad, 2007). *Mutawalli* juga perlu memastikan wakaf yang diuruskan dapat berperanan sebagai satu alat yang boleh digunakan dalam pengagihan kekayaan, sebagai contohnya melalui usahawan dalam sesebuah masyarakat. Namun, terdapat permasalahan pengurusan harta wakaf yang memerlukan kemahiran yang berterusan serta mempunyai tahap inovasi yang tinggi bagi membolehkannya bersaing dengan institusi lain dalam pasaran (Salarzahi et al., 2010).

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan rekabentuk penyelidikan kualitatif melalui dua kaedah pengumpulan data. Data primer diperolehi melalui kaedah temubual bersama dua pegawai dari Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Kaedah temubual mencakupi cara yang digunakan oleh seseorang untuk tujuan tertentu, dengan cuba mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada seorang responden. Melalui metod ini, pengkaji akan menemubual pihak yang terlibat dalam kajian ini dengan bantuan soalan separa struktur. Selanjutnya, data sekunder diperolehi dari jurnal, dokumen serta laporan tahunan.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Pengurusan harta wakaf yang mantap dijangka akan memberi kesan yang amat besar terhadap ekonomi, sosial, dan kebajikan umat Islam. Mohamad (2021) menekankan bahawa institusi wakaf hendaklah menyediakan gaya pengurusan wakaf baharu yang menjunjung konsep amanah. Memandangkan institusi wakaf berfungsi sebagai sektor ketiga iaitu organisasi bukan berasaskan keuntungan, maka institusi wakaf harus bebas, komited, dan lebih telus agar lebih berkesan dan cekap dalam pembangunan sosio-ekonomi Muslim (Iman & Mohammad, 2014). Institusi wakaf dituntut untuk mengatur dan mengurus harta wakaf dengan cara dan standard yang betul. Kajian ini bertujuan untuk meneroka perbandingan pelan penstrukturan dan kesannya dalam pengurusan wakaf di Selangor. Bahagian berikut menerangkan tentang pengurusan wakaf di Selangor sebelum dan selepas institusi wakaf diperbadankan.

Pengurusan Wakaf Sebelum Diperbadankan

Sejarah telah mencatatkan pada tahun 1603 Masihi, Upu Lamdusala adalah Raja Bugis yang pertama menganut agama Islam melalui pendakwah-pendakwah Islam yang datang dari Melaka. Kehadiran saudagar-saudagar Arab sebagai pendakwah Islam ke negeri-negeri Melayu di Selat Melaka telah menyaksikan arus pengaruh ajaran Islam masuk ke negeri Selangor. Penyebaran agama Islam ini juga tentu melibatkan beberapa usaha amal jariah wakaf yang dilakukan oleh mereka, sesuai dengan anutan beragama dan beribadah. Sejarah juga tidak lupa mencatatkan beberapa Sultan turut terlibat dalam perkembangan sejarah wakaf di Negeri Selangor. Antaranya adalah Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Sultan Hisamuddin Alam Shah, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, dan Sultan Syarafuddin Idris Shah al-Haj. Sultan yang sifatnya sebagai Ketua Agama mempunyai kuasa tertinggi untuk mengetuai Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan pemegang amanah tunggal harta-harta wakaf di seluruh Negeri Selangor. Ketika institusi wakaf belum diperbadankan, pengurusan harta waqaf terletak di bawah Bahagian Pengurusan Masjid dan kemudian diuruskan oleh Unit Wakaf Bahagian Baitulmal MAIS. Jadual 1 memaparkan antara penyelia-penyelia harta wakaf mengikut tahun di negeri Selangor.

Jadual 1: Penyelia Harta Wakaf Di Negeri Selangor Sebelum Diperbadankan

No.	Tahun	Penyelia Wakaf
1.	1953 – 1970	Y.M. Raja Othman bin Raja Ali
2.	1970 – 1974	Tuan Hji Hassan bin Basri
3.	1974 – 1984	Y.M. Raja Shahrin bin Raja Othman
4.	1984 – 1985	Tuan Haji Zohdi bin Haji Toha, PJK
5.	Feb 1985 – Dis 1985	Tuan Haji Sot Jonoh bin Masut
6.	1986	Tuan Haji Mokhyi bin Omar

Sumber: Kompilasi Oleh Penyelidik

Di peringkat awal, pengurusan wakaf adalah di bawah kuasa Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor. Namun, pada tahun 1999, namanya ditukar kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Walaupun setiap harta wakaf mesti dipindah milik kepada institusi MAIS, namun peraturan tersebut tidak dikuatkuasakan dengan sepenuhnya. MAIS hanya dianggap sebagai pemegang amanah sahaja. Kesan dari kelemahan ini, terdapat pewakaf tidak membuat pindah milik kepada nama MAIS secara formal, sebaliknya mereka hanya membuat pindah milik secara lisan kepada Imam masjid di tempat mereka tanpa bukti bertulis.

Walaupun institusi wakaf belum diperbadankan, namun institusi wakaf negeri Selangor mempunyai enaknya sendiri. MAIS telah menyusun prosedur wakaf dan bermulalah sinar baru dalam pengurusan harta wakaf di negeri Selangor. Enakmen Wakaf Negeri Selangor No.7/1999 diwujudkan cetusan dari satu bengkel yang telah dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Selangor telah mengambil tindakan pro-aktif dengan menggubal enakmen wakafnya sendiri pada tahun 1999. Berdasarkan peruntukan-peruntukan di bawah Enakmen Wakaf Negeri Selangor No.7/1999, MAIS telah memberi kemudahan yang luas kepada masyarakat Islam untuk berwakaf. Prosedur pendaftaran harta wakaf dibahagikan kepada dua, iaitu harta tidak alih seperti tanah dan bangunan, serta harta mudah alih seperti wang tunai dan kenderaan. Selangor juga telah melantik pendaftar wakaf, membuat penstrukturan jenis wakaf, memperolehi sijil ISO 9001, mewujudkan aplikasi sistem computer (GIS) berkenaan tanah wakaf, dan mendokumenkan statistik tanah wakaf di sembilan daerah di dalam negeri Selangor (Ahmad Zaki et al., 2008). Di samping itu, MAIS juga telah memulakan satu peruntukan khas untuk menyumbang kepada pengemaskinian usaha meningkatkan pengurusan wakaf di negeri Selangor.

Dalam usaha menggalakan umat Islam untuk berwakaf, MAIS telah memperkenalkan Skim Saham Wakaf Selangor yang merupakan satu cara berwakaf melalui wang tunai (Hayari et al., 2018). Pewakaf boleh membeli unit-unit saham yang ditawarkan oleh MAIS, kemudian mewakafkan saham-saham tersebut kepada MAIS untuk selama-lamanya. Skim Saham Wakaf Selangor ini diwujudkan di bawah Seksyen 17, Enakmen Wakaf Negeri Selangor no.7/1999. Penyertaan minimum skim ini adalah dengan membeli satu unit saham bernilai RM10.00 seunit, tanpa had maksimum. Unit-unit saham yang telah diwakafkan kepada MAIS tidak boleh dituntut, ditarik balik, dan tiada sebarang bentuk dividen diberikan kepada pewakaf kerana ianya bersifat wakaf yang dilakukan secara sukarela. Hasil kutipan Skim Saham Wakaf Selangor dikumpulkan ke dalam satu dana khas yang dinamakan Kumpulan Wang Wakaf. Ia juga menghimpunkan perolehan daripada harta-harta wakaf yang lain. Hasil dari Saham Wakaf tersebut telah dapat membeli aset, iaitu bangunan lima lot kedai di Puchong untuk disewakan kepada orang ramai (Saufi et al., 2021).

Pengurusan Wakaf Selepas Diperbadankan

Pada 30 Oktober 2009 Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tuanku Sultan Selangor bertitah supaya pihak MAIS menubuhkan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) agar pengurusan wakaf dapat diperkasakan seperti pengurusan zakat. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Wakaf MAIS Bil. 1/2010 yang bersidang pada 23 Februari 2010 telah memutuskan untuk mewujudkan PWS selaras dengan titah DYMM Sultan Selangor dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Pindaan 2008. Mesyuarat MAIS Bil. 3/2010 yang bersidang pada 29 Jun 2010 telah bersetuju untuk menubuhkan PWS di bawah peruntukan Seksyen 8, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Pindaan 2008. Perintah Penubuhan PWS telah diperkenankan oleh DYMM Tuanku Sultan Selangor pada 11 Januari 2011 dan diwartakan pada 3 Februari 2011. Perenggan 6 Perintah Penubuhan PWS 2011 telah menyatakan antara kewajipan PWS adalah untuk menggalak, mendorong, membantu, mengusahakan, dan memajukan harta dan produk wakaf selaras dengan hukum syarak.

Ketika pelancaran penubuhan PWS, DYMM Sultan Selangor telah bertitah supaya institusi wakaf di Negeri Selangor hendaklah diperkasakan supaya ia meningkat maju seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS). Di awal penubuhannya, PWS diketuai oleh seorang Pengerusi yang berpengalaman iaitu Dato' Ramli bin Mahmud, mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Di bawah pentadbiran beliau, terdapat empat bahagian yang bergerak bagi melancarkan proses pengurusan, iaitu bahagian pengurusan, bahagian kewangan, bahagian pemasaran dan dakwah, serta bahagian penyelidikan dan pelaburan. Antara tindakan lain yang dibuat untuk memperkasakan pengurusan wakaf di Selangor adalah melantik ketua pengurusan wakaf daripada kalangan individu yang berpengalaman dalam pentadbiran, serta menambah bilangan pegawai serta kakitangan sokongan. PWS dan disokong oleh pusat pejabat operasi yang sudah pasti mampu menguruskan wakaf secara tersusun ke arah memperkasakan harta wakaf. Serentak dengan perbadanan institusi wakaf ini, PWS semakin agresif mempertingkatkan produk-produk wakaf melalui wakaf am, wakaf khas, wakaf emas, wakaf takaful, dan wakaf perkhidmatan.

Berdasarkan temubual dengan Mohd Azmi Mison, Pengurus Bahagian Pemasaran dan Dakwah, Perbadanan Wakaf Selangor, institusi ini telah menggunakan dua kaedah kutipan iaitu kaedah "menunggu bola" dan kaedah "mengutip bola". Kaedah "menunggu bola" bermaksud pihak pengurusan PWS menunggu pewakaf untuk datang menyerahkan sebahagian hartanya secara sukarela untuk diwakafkan. Kaedah ini dimulakan dengan membuka kaunter-kaunter PWS, membuka akaun di institusi kewangan berasaskan Syariah yang menerima wakaf bagi pihak PWS, infaq skim (potongan gaji), melalui ejen, dan portal e-Mais. PWS telah menjalin kerjasama dengan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) pada Ogos 2012, melalui skim wakaf tunai, yang dikenali sebagai Wakaf Selangor Muamalat. Dana wakaf tunai berkenaan diperolehi melalui sumbangan individu dan institusi yang menandatangani wang tunai ke kaunter Bank Muamalat seluruh negara. Wakaf boleh dilakukan melalui perbankan internet, potongan bulanan, serta arahan bayaran berkala, dan ianya melayakkan para pewakaf menerima pelepasan cukai pendapatan. Selaras dengan perkembangan terkini, PWS juga telah menyediakan medium berwakaf dengan pelbagai cara seperti melalui aplikasi snapNpay, muat turun di Google Play Store atau Apple App Store, yang membolehkan pewakaf melakukan perwakafan dengan mudah, pantas dan selamat. Di samping itu, setakat April 2022, PWS juga telah menempatkan tabung wakaf di 63 buah masjid-masjid terpilih di seluruh negeri Selangor termasuklah di stesen pam minyak dengan tujuan untuk memudahkan umat Islam berwakaf.


Kedua, kaedah “mengutip bola” bermakna pentadbir PWS proaktif pergi mendapatkan calon pewakaf untuk mengumpul dana wakaf secara produktif. Kaedah ini dijalankan dengan mengadakan lawatan ke institusi kerajaan dan swasta dengan objektif memasyarakatkan wakaf dan memotivasikan masyarakat untuk turut serta dengan harapan mendapat dana wakaf secara berkala melalui sistem potongan peratusan daripada gaji mengikut keikhlasan mereka (Mohd Azmi Misran, 2021). Di samping itu, PWS telah melantik duta wakaf dalam pelaksanaan sosialisasi pengenalan wakaf dengan melantik Duta Wakaf PWS bermula dengan Ustadz Don Daniyal Don Biyajid sehingga tahun 2017 (Mohd Azmi Misron, 2021). Terkini, Duta Wakaf PWS adalah Dato’ Haji Abdul Majid bin Omar yang merupakan Mantan Timbalan Mufti Negeri Selangor. Ketika menemubual Dato’ Mohammad Yacub, Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Wakaf Selangor, lawatan ke institusi kerajaan dan swasta berjaya mengutip wakaf tunai sebanyak RM4 juta setahun yang diterima melalui potongan gaji penjawat awam, badan berkanun dan anak-anak syarikat dan swasta. Seterusnya, PWS juga mendapat kerjasama daripada beberapa institusi pendidikan tinggi awam dan swasta.

Pengurusan yang sistematik telah berjaya membuahkan hasil di mana menurut Laporan Tahunan 2019 PWS, perolehan kutipan wakaf bagi tempoh 2011 sehingga 2019 adalah berjumlah RM265.9 juta. Jumlah tersebut merangkumi kutipan wakaf am, wakaf tunai, wakaf khas, dan manfaat wakaf. Rajah 1 menunjukkan prestasi bagi tahun 2019 di mana jumlah keseluruhan kutipan wakaf pada tahun berkenaan adalah RM57.124 juta. PWS juga terus menerima wakaf tidak alih daripada warga masyarakat, seperti tanah seluas 1,217.10 ekar yang bernilai RM373 juta, premis sebanyak 94 buah bernilai RM31 juta dan bazar 32 buah bernilai RM1.654 juta. Jumlah aset keseluruhan yang diuruskan oleh PWS adalah RM406.214 juta (Laporan Tahunan PWS 2019). Peningkatan nilai wakaf yang diterima dan aset wakaf yang semakin meningkat ini adalah bukti positif pengurusan wakaf selepas diperbadankan di mana ketika sebelum diperbadankan, kutipan wakaf tahunan adalah kurang memberangsangkan. Pencapaian ini satu peningkatan positif yang patut dibanggakan oleh PWS dan masyarakat Muslim dan Dato’ Mohammad Yacub terus optimis tentang perkembangan ini. Beliau menyatakan,

“Menjelang tahun 2022, Perbadanan Wakaf Selangor telah berusia 10 tahun (2011 – 2021). Melalui pengurusan yang baik dan berkat kerjasama semua pihak, maka nilai harta wakaf Selangor telah meningkat. Sehingga akhir tahun 2021, keseluruhan harta wakaf bernilai RM1.894 bilion, iaitu RM1.516 bilion nilai hartanah dan RM376 juta wang tunai.

(Dato’ Mohammad Yacub, 2021).

PECAHAN KUTIPAN MENGIKUT KATEGORI WAKAF



Rajah 1: Prestasi Kutipan Wakaf Bagi Tahun 2019

Sumber: Laporan Tahunan PWS 2019

Statistik pencapaian kutipan wakaf oleh PWS telah meningkat setiap tahun. Ini menunjukkan bahawa pengurusan program pembudayaan dan kesedaran berwakaf oleh PWS telah mula mencapai matlamat yang diharapkan. Melalui kepelbagaian medium berwakaf yang telah disediakan oleh PWS, terutamanya kemudahan berwakaf melalui dalam talian (online) telah mendorong masyarakat Muslim berwakaf dengan mudah. PWS juga telah merangka pengurusan pelan strategik yang meliputi asas pentadbiran, pengurusan dan kemahiran yang perlu dicapai untuk menyakini fasa perubahan yang mantap menjadi salah satu institusi wakaf yang berkaliber di Malaysia.

Kutipan wakaf yang diperolehi oleh PWS telah diagihkan dalam bentuk sumbangan wakaf kepada beberapa projek pembangunan seperti masjid, surau, madrasah, pusat tahfiz, institusi pendidikan, rumah anak yatim dan warga emas, membeli peralatan hospital, buku-buku perpustakaan wakaf, projek khas, kebajikan am, dan lain-lain. Hasil kutipan wakaf juga digunakan untuk membangunkan tanah-tanah wakaf dan pembelian aset, seperti premis perniagaan dan sebagainya (Mohd Azmi Misron, 2021). Terbaru, PWS telah mengorak langkah ke hadapan dan merintis usaha untuk memanfaatkan tanah-tanah wakaf dengan projek pembangunan yang berdaya saing. Selaras dengan itu, PWS telah bekerjasama dengan Syarikat Nada Sepakat Corporation (M) Sdn Bhd untuk membangunkan satu lot tanah wakaf seluas 2.84 ekar bagi projek kediaman di Lot 3681, Jalan Haji Taib, Seksyen 30, Shah Alam. Demikian juga membangunkan projek bernama UME Orkid yang terletak di Jalan Lombong Besi 2, Seksyen 29, Shah Alam yang berupa pembinaan rumah teres dua tingkat (Laporan Tahunan Perbadanan Wakaf Selangor. 2018). Manfaat dari projek-projek ini adalah sewaan hartanah wakaf di mana ianya akan mempertingkatkan keberkesanan agihan wakaf tunai dan mempertingkatkan perkembangan ekonomi ummah dengan harta wakaf. Walaupun pengurusan harta wakaf di dapati berkembang selepas diperbadankan, namun usaha-usaha masih diteruskan untuk mencapai perkembangan semaksima yang mungkin.

Kesimpulannya, sekiranya harta wakaf diurus dengan baik oleh pihak pengurusan yang berkaliber, berpengalaman, dan berintegriti, ia pasti mampu memperkasakan harta wakaf di Malaysia. Kelestarian wakaf boleh dijamin apabila kutipan wakaf am wang tunai dapat dipertingkatkan dan selanjutnya ditadbirkan oleh PWS untuk membeli aset-aset yang bernilai seperti hotel, rumah kedai, pangsapuri, kediaman, dan lain-lain bentuk aset yang boleh

disewakan untuk mengembangkan harta wakaf. Dengan jumlah harta wakaf yang besar, bukan sahaja kita dapat mencapai 30% ekonomi Bumiputra seperti yang dihasratkan dalam rancangan Dasar Ekonomi Baru (DEB), tetapi lebih dari itu.

Kesimpulan

Konsep wakaf yang wujud dalam tamadun Islam adalah satu bentuk institusi filantropi yang tersohor di dunia walaupun ianya berkonsepkan sedekah atau derma yang bersifat sukarela. Kajian ini bertujuan meneroka perbandingan pelan penstrukturan organisasi wakaf dan kesannya dalam pengurusan wakaf di Selangor. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati strategi penstrukturan semula organisasi Perbadanan Wakaf Selangor telah memberi kesan yang positif kepada prestasi wakaf mereka. PWS dianugerahkan Sijil Audit Bersih pada tahun pertama penubuhannya oleh Jabatan Audit Negara, memperolehi penarafan tiga bintang bagi Indeks Akauntabiliti, dan juga peningkatan kutipan wakaf yang ketara sejak 10 tahun lepas. Kajian ini membuktikan bahawa harta wakaf dapat memberi sumbangan yang besar kepada umat Islam di negeri Selangor melalui pengoptimuman penggunaan harta wakaf dengan mengenalpasti cabaran serta kekangan dalam pengurusan harta wakaf. Justeru, kajian ini mencadangkan agar pengurusan yang mampan perlu diadaptasi oleh semua badan pengelola wakaf agar manfaat harta wakaf dapat dioptimumkan secara umum. Anjakan paradigma perlu direalisasikan oleh pihak pengurusan wakaf ke arah memperkasakan institusi wakaf sebagai agensi yang mempromosikan pertumbuhan dan kemajuan sosioekonomi ummah bagi mengatasi masalah kemiskinan dan kejahilan. Adalah diyakini bahawa melalui amalan berwakaf, ianya dapat menyempurnakan dakwah Islamiah, penyatuan ummah, dan mengeratkan hubungan kekeluargaan dan kemasyarakatan.

References

- Ab Rahman, A. (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Shariah*, 17(1), 113-152.
- Abdel Mohsin, M. I. (2009). *Cash Waqf: A New Financial Product*. Petaling Jaya, Malaysia: Prentice Hall-Pearson.
- Abdul Majid, R. & Said, R. (2014). Permasalahan pengurusan hartanah wakaf di Malaysia. *International Surveying Research Journal*, 4(1), 29-43.
- Abdullah 'Iwad. (2017). *Mas'uliyah Nazir al-Waqf: Dirasah Ta'siliyyah Muqaranah*. Riyadh: Sae for Awqaf Development.
- Abdullah, A. (2020). Waqf and state interference: A Phenomenology study in Al-Azhar University, Egypt. *Journal of Finance and Islamic Banking*, 3(1), 38-56.
- Abdullah, S. R. (2020). Tadbir urus dalam pengurusan pembiayaan harta wakaf produktif di Malaysia. *Jurnal Maw'izah*, 3(1), 35-41.
- Ahmad Zaki, A. L., Abdul Halim, R., Che Zuina, I., Kamarulzaman, S., & Norzaidi, M. D. (2008). *Wakaf pengurusan dan sumbangannya terhadap pendidikan Islam di Malaysia*. Selangor: Pusat Penerbitan UPENA, UiTM Shah Alam
- Ahmad. S. (2008). *Wakaf Tunai: Peranan Dan Keistimewaan Dalam Sistem Ekonomi Islam*. Prosiding Konvensyen Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf. Universiti Kebangsaan Malaysia dan MAIDAM.
- Al-Bahili, S. I. (1996). *al-Salsabil Ma'rifah al Dalil Hashiyah 'ala Zad al-Mustaqna*. Riyadh: Maktabah Nazar Mustafa al-Baz.
- Al-Dardir, A., & Al-Barakat. (1986). *Al Sharh al-Kabîr*. (Jilid 3). Bayrût: Dâr al-Fikr.
- Al-Khatib A. S. (2000). *Mughni Al-Muhtaj Ila Makrifah Ma Ani Alfaz al-Minhaj*. (Jilid 3). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Kubaysi, M. U. (1977). *Ahkam Al-Waqf fi Al-Shariah Al-Islamiyyah*. (Jilid 1). Baghdad:

- Matbat Al-Irshad.
- Al-Nawawi, A. Z. Y. (2000). *Rawdah al-Talibin*. (Jilid 4). Beirut: Daral-Kutuub al-Ilmiyyah.
- Al-Salmani, S. R. S. (2021). Types of waqf in Oman. *Al-Rashad Journal of Islamic Finance*, 1(3), 1-25.
- Al-Shirazi, A. I. (1995). *al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyya.
- An-Nawawi, Y. B. S. (1991). *Raudhah ath-Thalibin*. (Jilid VI). Beirut: Dar Al-Kitab Al-'Ilmiyah.
- Bakar, R., Sakinah, W., Zaini, R. M., & Sarmin, F. (2019). Corporate waqf university: A sustainability model. *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*, 7(1), 24–36.
- Dato' Mohamad Yacub. (2021). Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Wakaf Selangor (temubual).
- Don, M. A. (2019). Teori wakaf, kepelbagaian dan contoh amalan di Malaysia. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 20, 24-39.
- Harun, R., Mohamed Isa, Z., & Ali, N. (2012). *Preliminary Finding on Waqf Management Practices among Selected Muslim Countries*. Proceedings of 2012 International Conference on Economics Marketing and Mangement (IPEDR), LACSIT Press, Singapore.
- Hasbani, R. A. A. R., Zahrin, S. N. A., & Haron, M. S. (2017). Peranan wakaf dan cinta kemanusiaan untuk kesejahteraan umat. *Sains Insani*, 2(2), 127-134.
- Hassan Hapizi, H., & Mohamad Idris, R. (2010). Struktur organisasi pengurusan Baitulmal di negeri: Ke arah penstrukturan terbaik. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 4(1), 107-122.
- Hassan, A. F. (1986). *Ahkam Alwasaya wa al- al-Syariah Al-Islamiah*. Kaherah.
- Hayari, Z. B., Riana, N., Abd, B., & Daud, M. B. (2018). Integrating cash waqf: Collaboration between Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) and Perbadanan Waqf Selangor (PWS). *International Journal of Business and Management*, 2(6), 36-42.
- Ibn al-Humam & Ibn 'Abd al-Wahid, K. D. M. (1977). *Sharh Fath al Qadir*. (Edisi ke-2). Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudāmah, I. & al-Hādī, Q. (1983). *al-Mughnī Syarḥ al-Kabīr*. Bairut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- Ibn Qudāmah, I. (2004). *Al-Mugni*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiya.
- Ibrahim, A. A. M., & Khan, S. H. (2015). *Waqf Management in Bangladesh: An Analysis from Maqasid Al-Shar'ah Perspective*. IAIS Organisation.
- Iman, A. H. M., & Mohammad, M. T. S. (2014). *Waqf Property: Concept, Management, Development, and Financing*. (1st Ed.). Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Ishak, M. (2020). *Wanita Uruskan Wakaf, Pemasaran Perlu Agresif*. Utusan Malaysia.
- Mahamood, S. M. (2000). *Wakaf Penuhi Keperluan Ekonomi, Perkasa Ummah*. Utusan Malaysia, 24 April 2020.
- Mahamood, S. M., & Ab Rahman, A. (2015). Financing universities through waqf, pious endowment: Is it possible? *Humanomics*, 31(4), 430-453.
- Mohamad, M. R. (2021). Pelaksanaan wakaf am dan wakaf khas di Terengganu dan Implikasinya terhadap Mawqūf 'Alaīh. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities*, 1(3), 56-64.
- Mohd Afendi, M. R. & Asmah, A. A. (2010). Waqf management and administration in Malaysia: Its implementation from the perspective of Islamic law. *Malaysian Accounting Review*, 9(2), 115-121.
- Mohd Azmi Misron (2021). Pengurus Bahagian Pemasaran dan Dakwah, Perbadanan Wakaf Selangor. (temubual).

- Mohiddin, M. N. H. (2020). Kredibiliti wakaf dalam menangani isu pembiayaan pengajian tinggi. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 2(4), 9-21.
- Muda, Z. (2015). *Isu-Isu Zakat, Wakaf dan Perkuburan*. Kuala Terengganu, Malaysia: Penerbitan Jabatan Mufti Negeri Terengganu & Percetakan Nasional Berhad (PNMB).
- Muhammad, A. Z. (1971). *Muhadarah Fi al-Waqf*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Muhammad, A. Z. (2007). *Wakaf: Menurut Agama Dan Undang-Undang*. Selangor: Berlian Publications.
- Nafis, C. (2016). *Pemanfaatan Asset Wakaf Produktif Perspektif Hukum Islam dan Pengembangannya di Indonesia*. In 3th IIFF Indonesia Islamic Finance Forum 2016. Jakarta.
- Ngadimon, M. N. (2011). Membangunkan aset wakaf menggunakan prinsip Musyarakah. *Jurnal Muamalat*, 4(1), 19-28.
- Othman, M. Z. (1998). *Wakaf Dari Perspektif Undang-Undang Islam, Amalan Dan Permasalahannya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Othman, R. (2017). *Konsep Filantropi Dalam Sudut Pandang Islam*. Seminar Filantropi Derma-Bakti Islam: Pendekatan Korporat Dalam Konsep Wakaf. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Qohf, M. (2006). *Al-Waqof al-Islami*. (Jilid 1). Beirut: Dar al-Fikr.
- Sabran, O. (2002). *Pengurusan Harta Wakaf*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Salarzehi, H., Armesh, H., & Nikbin, D. (2010). Waqf as a social entrepreneurship model in Islam. *International Journal of Business and Management*, 5(7), 179-191.
- Saufi, S., Mohamed, N. A., Saleh, M., Ghani, H. A., & Noor, S. (2021). Kajian terhadap kepercayaan masyarakat terhadap institusi pengurusan waqaf di Malaysia. *Journal of Revealed Knowledge*, 2(2), 83-96.
- Sulaiman, S., & Hasan, A. (2016). Strategi pembangunan dan pelaburan wakaf secara lestari menurut perspektif Syariah. *Jurnal Syariah*, 24(2), 121-134.
- Yaacob, H., & Yaacob, H. (2013). Waqf history and legislation in Malaysia: A contemporary perspective. *Journal of Islamic and Human Advanced Research*, 3(6), 387-402.
- Yakan, Z. (1977). *Ahkam al-Waqf*. (Jilid1) Beirut: Maktabah al-Ariyyah.
- Yusof, H. (2017). *The Power of Wakaf*. Seremban, Malaysia: Cintri Publication.